



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN OTI 2 SPM**

**TAHUN 2012**

**TINGKATAN 5**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**3756/1**

**Kertas 1**

**SEPTEMBER**

**1½ jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Penggunaan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

---

*Disediakan oleh:*  
**Guru AKRAM Terengganu**

*Dengan kerjasama:*  
**MPSM Negeri Terengganu**

*Dibiayai oleh:*  
**Kerajaan Negeri Terengganu**

**TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh:*  
**Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.**  
Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

---

**Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak**

**WWW. SMKADG . COM**

- 1 Simpan kira merupakan proses
- A Merekod urus niaga dalam dua akaun yang berbeza.  
B Mengelas, merekod, mentafsir, melapor dan menganalisis maklumat kewangan  
C Merekod urus niaga perniagaan secara tepat dan sistematik berdasarkan sistem *catatan bergu*  
D Menyediakan maklumat kewangan untuk membuat keputusan, perbandingan dan perancangan.

- 2 Maklumat di bawah menunjukkan ciri-ciri satu jenis perniagaan.

- Liabiliti pemilik terhad
- Bilangan minimum ahli dua orang
- Laporan kewangan tidak diumumkan kepada orang ramai
- Berdaftar dengan Pendaftar Syarikat

Antara berikut, jenis perniagaan yang manakah menepati ciri-ciri itu?

- A Khalida Enterprise  
B Khalida dan Tania  
C Khalida Tania Sendirian Berhad  
D Khalida Tania Berhad
- 3 Pada 1 Januari 1998, Encik Umar telah membeli sebidang tanah pada harga RM15 000. Pada 31 Disember 2011, harga pasaran tanah tersebut telah meningkat kepada RM50 000. Catatan dalam buku perniagaan masih menunjukkan harga tanah sebagai RM15 000. Apakah prinsip pernyataan tersebut?
- A Pemadanan  
B Kos sejarah  
C Tempoh perakaunan  
D Wang sebagai ukuran

4 Antara butir-butir berikut, yang manakah dikelaskan sebagai aset?

- I Tunai, Penghutang
- II Overdraf Bank, Modal
- III Pembiayaan, Pinjaman
- IV Kenderaan, Stok

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

5 Maklumat berikut adalah aset dan liabiliti seorang peniaga pada 30 Jun 2012.

	RM
Kenderaan	25 000
Stok	5 840
Penghutang	1 210
Bank	2 720
Sewa belum bayar	450
Komisen diterima terdahulu	50

Berapakah modal beliau pada tarikh tersebut?

- A RM23 830
- B RM34 270
- C RM34 370
- D RM35 170


- 6 Maklumat yang diperoleh daripada buku Ghani Enterprise pada 31 Disember 2011.

	RM
Untung kasar	20 000
Sewa	3 600
Gaji	4 200
Kenderaan	6 000
Tunai	500
Kadar Bayaran	1800

Berapakah untung bersih perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

- A RM3 900
- B RM4 400
- C RM9 900
- D RM10 400

- 7 Rajah berikut menunjukkan suatu aliran urus niaga seorang peniaga.



Dokumen S adalah berkaitan dengan barang niaga yang dipulangkan kepada pembekal. Dokumen T adalah berkaitan dengan barang yang dijual secara kredit. Dokumen U adalah berkaitan dengan barang niaga yang dipulangkan oleh pembeli.

Nyatakan dokumen-dokumen itu.

	<b>Dokumen S</b>	<b>Dokumen T</b>	<b>Dokumen U</b>
A	Nota Kredit	Invois	Nota Kredit
B	Nota Kredit	Baucer	Nota Debit
C	Nota Debit	Baucer	Nota Kredit
D	Nota Kredit	Invois	Nota Debit

- 8 Apakah tujuan diskaun niaga?
- Menarik lebih ramai pelanggan
  - Mengelakkan berlakunya hutang laluk
  - Menggalakkan pembeli membayar segera
  - Menggalakkan pembeli membeli dengan kuantiti yang banyak

- 9 Sistem panjar biasanya diamalkan dalam penyediaan
- Penyata Bank
  - Akaun Bank
  - Buku Tunai
  - Buku Tunai Runcit

- 10 Nota kredit berikut telah dihantar oleh Kedai Perabot Mama kepada pelanggannya.

SALINAN		NOTA KREDIT		No.:121					
		Kedai Perabot Mama		Tarikh: 7 April 2012					
		332, Jalan Pasir							
		80000 Johor Bahru							
		Tel: 07-2223463							
Kepada,									
Pemborong Tasnim									
14, Jalan Bawang Merah									
81000 Johor Bahru									
<i>Akaun tuan/puan akan dikreditkan seperti berikut:</i>									
Kuantiti	Butir	Harga seunit		Jumlah					
		RM	sen	RM	sen				
10	Almari rosak	195	00	1 950	00				
		Kurang 20% diskaun niaga		390	00				
				1 560	00				
(Ringgit Malaysia: Seribu lima ratus dan enam puluh sahaja)									
Mama Pengurus									

Buku catatan yang sesuai untuk merekodkan butiran dokumen itu ialah

- Jurnal Pulangan Jualan
- Jurnal Pulangan Belian
- Jurnal Belian
- Jurnal Am

- 11 Jumlah jualan dalam invois yang dikirim kepada Puan Kalsom pada 3 Februari 2012 ialah RM450. Syarat diskaun tunai ialah 10% jika dibayar dalam tempoh sebulan. Hitungkan jumlah yang harus dibayar oleh Puan Kalsom jika beliau membuat bayaran pada 8 Mac 2012.
- A RM45  
B RM405  
C RM450  
D RM495
- 12 Antara berikut, yang manakah **bukan** fungsi Buku Tunai?
- A Merancang aliran wang tunai  
B Merekod semua urus niaga tunai  
C Mengetahui jenis-jenis sumber dan penggunaan tunai  
D Mengetahui jumlah penerimaan dan pembayaran tunai
- 13 Lejar adalah buku yang
- A Menyenaraikan kos jualan bagi satu tempoh perakaunan  
B Merekodkan hasil dan belanja untuk mengira keuntungan perniagaan  
C Merekodkan semua perbelanjaan perniagaan dalam tempoh perakaunan  
D Mengandungi pelbagai jenis akaun yang digunakan untuk merekod urus niaga
- 14 Jadual berikut menunjukkan catatan bergu beberapa urus niaga.

Urus niaga	Catatan Bergu	
	Akaun didebit	Akaun dikredit
I Jualan kredit barang niaga	Penghutang	Jualan
II Ambilan barang niaga untuk promosi	Ambilan	Promosi
III Belian perabot dibayar dengan cek	Perabot	Bank
IV Jualan kenderaan terpakai secara tunai	Kenderaan	Tunai

Antara berikut, urus niaga manakah mempunyai catatan bergu yang betul?

- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

- 15 Butiran berikut berkaitan jualan kredit suatu perniagaan pada bulan Januari 2011.

	RM
Baki awal penghutang	2 380
Baki akhir penghutang	3 160
Bayaran oleh penghutang	
(termasuk hutang lapsed pulih RM200)	12 450
Pulangan jualan	720

Berapakah jumlah jualan kredit bagi bulan itu?

- A RM12 190
  - B RM13 550
  - C RM13 750
  - D RM13 950
- 16 Baki-baki berikut diperoleh daripada Imbangan Duga Syarikat Marima pada 30 Jun 2011.

	RM
Modal	20 000
Overdraf	3 000
Penghutang	4 800
Pembiutang	4 300
Kenderaan	21 150
Jualan	23 000
Belian	15 000
Gaji	9 350

Berapakah angka imbangan pada tarikh itu?

- A RM45 500
- B RM50 300
- C RM53 300
- D RM58 300

- 17 Belian mesin taip RM 450 secara kredit daripada Syarikat Tuan Said untuk kegunaan pejabat tidak dicatat dalam mana-mana buku. Bagaimakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

A	(Dt) Belian (Kt) Modal	RM450	RM450
B	(Dt) Belian (Kt) Syarikat Tuan Said	RM450	RM450
C	(Dt) Alatan Pejabat (Kt) Syarikat Tuan Said	RM450	RM450
D	(Dt) Alatan Pejabat (Kt) Modal	RM450	RM450

- 18 Maklumat di bawah menunjukkan Akaun Untung Rugi bagi suatu perniagaan.

<b>Akaun Untung Rugi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003</b>		
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Diskaun diberi	150	Rugi kasar
Sewa dibayar	300	Faedah diterima
Hutang lapuk pulih	320	
Alat tulis	100	
Kadar bayaran	540	
Gaji	1500	
Untung bersih	150	
	<u>3060</u>	<u>3060</u>
	<u>3060</u>	<u>3060</u>

Untung bersih perniagaan itu tidak tepat. Terdapat dua butiran yang tersalah catat dalam akaun tersebut.

Apakah butiran itu?

- A Diskaun diberi dan gaji
- B Sewa dibayar dan alat tulis
- C Kadar bayaran dan faedah diterima
- D Hutang lapuk pulih dan rugi kasar

19 Pelupusan aset merujuk kepada aset yang

- A Rosak
- B Dibaiki
- C Dibeli
- D Dijual

20 Maklumat di bawah menunjukkan akaun bangunan bagi suatu firma.

Akaun Bangunan		
2011	RM	
Jan 1 Baki b/b	40 000	

Akaun Susut Nilai Terkumpul Bangunan		
.	2011	RM
	Jan 1 Baki b/b	4 000

Polisi firma menggariskan bahawa bangunan hendaklah disusut nilai menggunakan kaedah baki berkurangan pada kadar 10% setahun. Berapakah susut nilai bangunan bagi tahun 2011?

- A RM3 600
  - B RM3 900
  - C RM4 000
  - D RM8 000
- 21 Pada 30 April 2011, Syarikat Daik Gunawan Sdn. Bhd. telah membayar premium insurans tahunan RM 360. Tempoh perakaunan syarikat berakhir pada 31 Disember 2011. Berapakah belanja insurans bagi tahun 2011?

- A RM120
- B RM180
- C RM240
- D RM360

22 Belanjawan Tunai berikut diambil daripada Kedai Muna bagi bulan Mac 2012.

	RM
Baki awal	12 060
<b>Penerimaan:</b>	
Penghutang	20 000
<b>Pembayaran:</b>	
Pemutang	19 000
Upah	1 200
Sewa	400
Belanja serahan	300
Elektrik dan telefon	250
Belanja am	320

Berapakah baki akhir tunai kedai itu?

- A RM1 470  
 B RM10 590  
 C RM1 470  
 D RM13 530

23 Antara berikut, yang manakah menyebabkan pembubaran perkongsian?

- I Seorang daripada rakan kongsi diisyiharkan mutis  
 II Seorang daripada rakan kongsi telah meninggal dunia  
 III Mahkamah memerintahkan supaya perkongsian tersebut dibubarkan  
 IV Seorang daripada rakan kongsi mendapat kerugian daripada perkongsian tersebut
- A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

- 24 Maklumat berikut menunjukkan buku tunai (ruangan bank sahaja) dan penyata bank Puan Salmah bagi bulan Januari 2012.

Buku Tunai						
Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No.Cek	RM
2012 Jan 1	Baki b/b	1880	2012 Jan 5	Belian	020401	1200
4	Jualan	500	15	Insurans	020402	1500
9	En.Azad	600	25	Sewa	020403	1000
31	Baki h/b	720				3700
		3700				

PENYATA BANK					
BANK KITA BHD					
4,Jalan Tebrau					
43000 Kajang					
Tarikh	Butir	No.Cek	Wang Keluar (De)	Wang Masuk (Kt)	Baki
2012 Jan 1	Baki b/b		RM	RM	RM
4	Deposit			500	1 880
5	Cek	020401	1 200		2 380
9	Deposit			600	1 180
17	Cek	020402	1 500		1 780
					280

Apakah sebab-sebab perbezaan antara baki buku tunai dan baki penyata bank?

- A Cek tak layan
- B Kesilapan di buku tunai
- C Cek yang belum dikreditkan
- D Cek yang belum dikemukakan

25 Antara berikut, yang manakah menunjukkan akaun semasa pekongsi yang tepat?

A

**Akaun Semasa Pekongsi**

	RM		RM
Ambilan	100	Faedah atas ambilan	30
Gaji pekongsi	500	Faedah atas modal	400
Pembahagian rugi	200	Faedah atas pinjaman (pekongsi)	50

B

**Akaun Semasa Pekongsi**

	RM		RM
Ambilan	100	Faedah atas ambilan	30
Gaji pekongsi	500	Faedah atas modal	400
Faedah atas pinjaman (pekongsi)	50	Pembahagian rugi	200

C

**Akaun Semasa Pekongsi**

	RM		RM
Gaji pekongsi	500	Faedah atas ambilan	30
Faedah atas modal	400	Ambilan	100
Faedah atas pinjaman (pekongsi)	50	Pembahagian rugi	200

D

**Akaun Semasa Pekongsi**

	RM		RM
Ambilan	100	Gaji pekongsi	500
Faedah atas ambilan	400	Faedah atas modal	400
Pembahagian rugi	200	Faedah atas pinjaman (pekongsi)	50

- 26 Aliana adalah rakan kongsi di dalam satu perkongsian. Beliau menerima gaji tahunan sebanyak RM 5 000. Pada pertengahan tahun, beliau telah dibayar gaji sebanyak RM 3 000. Antara catatan berikut, yang manakah merujuk kepada pernyataan di atas?

	Debit	RM	Kredit	RM
A	Akaun Pengasingan Untung Rugi	2 000	Akaun Semasa Aliana	3 000
B	Akaun Pengasingan Untung Rugi	5 000	Akaun Semasa Aliana	2 000
C	Akaun Pengasingan Untung Rugi	5 000	Akaun Modal Aliana	3 000
D	Akaun Pengasingan Untung Rugi	3 000	Akaun Modal Aliana	2 000

- 27 Antara berikut, yang manakah terdapat dalam Kunci Kira-kira suatu perkongsian?

- I Aset Semasa
  - II Liabiliti Bukan Semasa
  - III Untung Bersih ahli kongsi
  - IV Akaun Semasa ahli kongsi
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 28 Modal dibenarkan bagi Syarikat Mayang Sari Berhad terdiri daripada 2 000 000 saham biasa bernilai RM1 setiap unit. Syarikat ini telah menerbitkan 1 500 000 saham biasa kepada orang awam pada nilai tara. Semua saham yang diterbitkan telah dipohon beli dan berbayar.
- Berapakah modal berbayar Syarikat Mayang Sari Berhad?
- A RM500 000
  - B RM1 500 000
  - C RM2 000 000
  - D RM4 500 000
- 29 Antara pernyataan berikut, yang manakah bukan ciri-ciri syarikat awam berhad?
- A Modal terdiri daripada saham yang dipegang oleh pemiliknya
  - B Ditubuhkan sebagai satu badan yang berasingan daripada pemiliknya
  - C Keuntungan diagihkan di antara pemegang saham dalam bentuk dividen
  - D Bilangan pemegang saham adalah di antara 2 hingga 50 orang

30 Pada 1 April 2011, Amar telah membeli 2 000 unit 6% syer keutamaan RM2 seunit daripada Syarikat Mara Berhad. Lembaga Pengarah syarikat telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- (i) membayar dividen interim 2% pada 1 Oktober 2011
- (ii) mengisyiharkan dividen akhir pada 31 Mac 2012

Berapakah jumlah dividen akhir yang akan diterima oleh Amar?

- A RM80
- B RM120
- C RM160
- D RM240

31 Maklumat berikut menunjukkan aset dan liabiliti Kelab Selesa pada 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011.

	1 Januari 2011	31 Disember 2011
<b>Aset</b>	RM	RM
Tunai	1 150	1 200
Perabot	4 500	4 000
Yuran tertunggak	70	70
Stok minuman	<u>1 500</u>	<u>1 100</u>
	7 220	6 370
<b>Liabiliti</b>		
Yuran terdahulu	110	50
Kadar Bayaran terakru	<u>55</u>	<u>15</u>
	165	65

Berapakah dana terkumpul awal Kelab Selesa?

- A RM6 265
- B RM6 660
- C RM7 055
- D RM7 220

- 32 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Ria.

	RM
Stok restoran 1 Januari 2003	3 550
Stok restoran 31 Disember 2003	8 750
Jualan	17 520
Belian	8 120
Upah restoran	2 500

Berapakah untung minuman bagi kelab itu?

- A RM14 600
- B RM12 100
- C RM11 100
- D RM9 400

- 33 Maklumat di bawah diperoleh daripada buku Kelab Sukaramai pada 31 Disember 2011.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011			
Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran	2 500		
<b>Maklumat Tambahan:</b>			
(i) Yuran tertunggak pada 31 Disember 2011 ialah RM 120.			
(ii) Yuran yang diterima termasuk RM 250 untuk tahun 2012.			

Berapakah jumlah yuran bagi tahun 2011?

- A RM2 370
- B RM2 380
- C RM2 550
- D RM2 680

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku akaun seorang peruncit. Beliau tidak menyimpan akaunnya dengan lengkap.

	1 Disember 2011	31 Disember 2011
	RM	RM
Stok	3 000	3 200
Alatan pejabat	4 000	3 500
Tunai	700	500
Penghutang	4 600	6 000
Bank	700	1 800
Pembiutang	3 300	4 700

Berapakah untung atau rugi perniagaan peruncit itu pada 31 Disember 2011?

- A Rugi RM600
  - B Untung RM600
  - C Untung RM9 700
  - D Rugi RM10 300
- 35 Antara berikut, pernyataan yang manakah benar tentang elemen kos pengeluaran?
- I Upah pekerja kilang merupakan kos buruh langsung firma
  - II Kos bahan adalah kos yang terlibat untuk membeli bahan mentah
  - III Kos yang terlibat dengan pengurusan kilang dikenali sebagai kos overhead
  - IV Kos prima terdiri daripada kos bahan mentah dan kos buruh tak langsung
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

- 36 Maklumat di bawah menunjukkan Penyata Kos Pengeluaran sebuah firma.

<b>Penyata Kos Pengeluaran bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011</b>		
	RM	RM
Stok awal bahan mentah		1200
Belian bahan mentah		4500
		<u>5700</u>
Tolak: Stok akhir bahan mentah		900
		<u>4800</u>
Upah langsung		1500
		<u>6300</u>
Upah tak langsung	2400	
Sewa kilang	1800	
Susut nilai loji	<u>700</u>	
		4900
		<u>11200</u>

Berapakah kos prima firma itu?

- A RM4800
- B RM4 900
- C RM6 300
- D RM11 200

- 37 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran Syarikat Perniagaan Zetty yang mengeluarkan pasu bunga dengan harga jualan RM80 seunit.

	RM
Bahan mentah (seunit)	30
Buruh langsung (seunit)	20
Sewa kedai	10 000
Susut nilai aset tetap	50 000

Syarikat itu ingin mendapatkan keuntungan sebanyak RM 9 000. Berapakah unit pasu yang perlu dikeluarkan?

- A 1 000 unit
- B 1 380 unit
- C 2 000 unit
- D 2 300 unit

- 38 Maklumat berikut diperoleh daripada buku akaun Encik Dunia bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

	RM
Stok awal	RM 7 320
Kos jualan	RM 38 500
Kadar pusing ganti stok	7 kali

- Berapakah nilai stok akhir?
- A RM1 820
  - B RM3 680
  - C RM5 500
  - D RM6 410
- 39 Maklumat berikut diambil dari buku Perniagaan Ikram pada 31 Julai 2012.

	RM
Perabot	12 000
Pembiutang	16 000
Penghutang	20 000
Bank (Overdraft)	4 000
Stok akhir	6 000

- Berapakah nisbah semasa perniagaan itu pada tarikh tersebut?
- A 1.3 : 1
  - B 1.4 : 1
  - C 1.9 : 1
  - D 2.6 : 1
- 40 Keputusan Encik Zuffaire untuk melabur dalam Bunga Emas Berhad atau Pusaka Perak Berhad bergantung kepada analisis nisbah berikut.
- A Tokokan
  - B Margin untung bersih
  - C Pulangan atas modal
  - D Kadar pusing ganti stok

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SULIT**



**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN OTI 2 SPM**

**TAHUN 2012**

**TINGKATAN 5**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**3756/1**

**Kertas 1**

**SEPTEMBER**

**SKEMA JAWAPAN**

---

**Jawapan Objektif :**

No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan
1.	C	11.	C	21.	C	31.	C
2.	C	12.	A	22.	B	32.	B
3.	B	13.	D	23.	A	33.	A
4.	B	14.	B	24.	D	34.	B
5.	B	15.	C	25.	D	35.	A
6.	D	16.	B	26.	B	36.	C
7.	A	17.	C	27.	B	37.	D
8.	D	18.	D	28.	B	38.	B
9.	D	19.	D	29.	D	39.	C
10.	A	20.	A	30.	C	40.	C